

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 NOVEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 29

Pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal meyakinkan

Pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal meyakinkan

KUALA LUMPUR - MIDF Research menjangka momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia dapat dikekalkan berikutan permintaan domestik yang semakin meningkat walaupun Indeks Pengurus Pembelian (PMI) pembuatan terus turun kepada 48.7 pada bulan lalu daripada 49.1 pada September.

Firma penyelidikan itu berkata, walaupun bacaan PMI terus menunjukkan permintaan yang semakin perlahan, data perdagangan luaran kekal kukuh, sekali gus mengetepikan kebimbangan kelembapan.

"Walaupun pengeluar di negara lain menyatakan kebimbangan mereka mengenai prospek, pengeluar Malaysia terus mempamerkan sentimen optimistik.

"Namun, kami masih mengekalkan prospek optimistik yang berhati-hati untuk aktiviti pengeluaran dan perdagangan domestik.

"Ia disebabkan oleh ketidaktentuan di bahagian luaran seperti jangkaan permintaan akhir yang lemah daripada ekonomi maju di tengah-tengah kebimbangan terhadap risiko kemelesetan, sekatan Covid-19 lebih ketat di China dan peningkatan ketegangan geopolitik serta perdagangan," kata MIDF Research.

Selain itu, menurut firma penyelidikan tersebut, terdapat juga tanda-tanda prestasi perdagangan serantau yang lebih lemah.

Jelasnya, Korea Selatan pada Selasa melaporkan eksportnya merosot 5.7 peratus tahun ke tahun pada Oktober lalu berikutan permintaan kurang menggalakkan dari China.

Begitu juga Taiwan yang melaporkan penyusutan sebanyak 5.3 peratus dalam eksport tahun ke tahun pada September lalu, ekoran diheret oleh penghantaran berkurangan ke China. - *Bernama*